

Sektor binaan catat pertumbuhan dua angka

KUALA LUMPUR: Sektor pembinaan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 17.3 peratus dalam tempoh tiga suku pertama, setakat September tahun ini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pertumbuhan dua angka itu pertama kali dicapai sejak 2014, sekali gus mencerminkan kapasiti industri dalam mengatasi cabaran dan tampil dengan lebih kukuh.

Kata beliau, semasa pandemik, industri menghadapi cabaran besar iaitu menghentikan pembinaan dan mengganggu rantaian bekalan.

“Akibatnya, sektor ini menguncup sebanyak 19.3 peratus pada 2020 dan 5.1 peratus 2021. Bagaimanapun, melalui usaha

pemulihan strategik, sektor pembinaan menyaksikan pertumbuhan positif sebanyak 5.0 peratus pada 2022 dan 6.1 peratus 2023.

“Pertumbuhan yang luar biasa ini juga memberi manfaat yang meluas untuk ekonomi Malaysia,” katanya yang mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Majlis Perasmian Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) dan Build-Xpo 2024, di sini, semalam.

Menurutnya, lonjakan dalam aktiviti pembinaan akan membawa kepada lebih banyak peluang pekerjaan, memperkukuh pelaburan domestik dan asing, memacu pembangunan infrastruktur dalam negara dan melonjakkan Malaysia sebagai peneraju dalam industri pembi-

naan di rantau ini.

Mengulas lanjut, Nanta berkata, terdapat kekurangan tenaga kerja mahir dalam sektor binaan dan kerajaan komited menangani perkara itu melalui program latihan yang mantap dan inisiatif peningkatan kemahiran.

Katannya, setakat September 2024, lebih 1.12 juta kakitangan telah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

“Pada masa sama, sektor pembinaan sedang mengembangkan Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET) untuk memastikan tenaga kerja dilengkapi kemahiran mengendalikan teknologi canggih, seperti kecerdasan buatan (AI) dan robotik,” ujarnya.